

Judi dalam talian, lelaki didenda RM1,000

KUCHING: Seorang lelaki berusia 21 tahun didenda RM1,000 atau penjara dua minggu jika gagal membayar denda oleh Mahkamah Majistret di sini semalam kerana kesalahan bermain judi dalam talian di tempat awam.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan menjatuhkan hukuman itu terhadap Christopher Luncha selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah Seksyen 7(2) Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953.

Seksyen tersebut memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara sehingga enam bulan, atau kedua-duanya sekali.

Dia melakukan kesala-

han tersebut di sebuah kedai serbaneka di Batu 18 Jalan Kuching-Serian pada kira-kira jam 10.10 pagi, 29 Julai 2025.

Berdasarkan fakta kes, sepasukan polis melalui Ops Dadu telah memeriksa Christopher yang duduk berhampiran premis tersebut kerana disyaki terlibat dalam aktiviti permainan dalam talian.

Pemeriksaan lanjut mendapati telefon bimbitnya mengandungi unsur judi dalam talian, menyebabkan polis menahannya.

Antara barangan yang dirampas ialah sebuah telefon bimbit, sehelai kertas mengandungi ID dan kata laluan serta wang tunai RM50.

Christopher tidak diwakili peguam bela.